

**MAJLIS JAMUAN MAKAN TENGAH HARI**  
**SEMPENA**  
**PROGRAM SEHARI BERSAMA PEMIMPIN MASYARAKAT**  
**GUAR SANJI**

**Teks Ucapan**

***Y.Bhg. BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN***  
***HUSSIN***

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 4 Ogos 2009, di Dewan Kapitol, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Perpaduan.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri  
Besar Perlis,

Yang Berhormat Tuan Jafperi Othman, Ahli Dewan Undangan  
Negeri Guar Sanji,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-Wakil Media, seterusnya masyarakat Guar Sanji yang  
sudi hadir pada program kita tengah hari ini. Terima kasih  
saya ucapkan.

Ladies and Gentlemen,

This is my great honor to have all of you here today. This is  
also a first time program organized by UniMAP involved the  
specified community in Perlis. I believe this program is going  
to tighten up our relationship. I do hope this is going to be a  
continuous program which involved all the community in  
Perlis in equal. There is nothing much more to say, I just hope  
that you are going to enjoy your visit to UniMAP today as well  
as gaining information about the benefits of being a part of  
UniMAP families.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan pada Allah SWT kerana  
dengan izinNya dapat juga kita – pemimpin masyarakat dan  
pihak pentadbir Universiti Malaysia Perlis berhimpun dalam

satu program yang saya kira bakal membawa manfaat kepada universiti amnya dan Perlis khususnya.

Terlebih dahulu, sekalung penghargaan dan tahniah buat jawatankuasa yang terlibat dibawah kendalian Unit Kajian Strategik dalam memastikan kelansungan dan kelancaran program pada hari ini.

Semoga segala usaha dan matlamat penganjuran Program ini akan tercapai sekali gus memberikan manfaat yang cukup besar untuk kita semua.

Hadirin sekalian,

Ingin saya nyatakan di sini, UniMAP dan Kerajaan Perlis mempunyai jalinan hubungan yang cukup kuat. Bolehlah saya tafsirkan di sini, hubungan itu umpama air yang dicincang tetapi tidak akan putus.

Maka atas sebab itulah, UniMAP melalui saranan DYTMM Tuanku Canselor, Tuanku Syed Faizuddin Putra telah menubuhkan satu unit khas iaitu Unit Kajian Strategik khusus untuk membantu Kerajaan negeri Perlis dalam merangka Pelan Strategik Perlis Maju 2015.

Pelan ini dirangka bukan sahaja bagi tujuan menjana pertumbuhan ekonomi melalui kepakaran dan meningkatkan penguasaan ilmu di kalangan masyarakat Negeri Perlis, malah memantapkan modal insan yang seimbang dalam aspek kesedaran politik dan sosioekonomi.

Dan bagi mempelbagaikan percambahan idea dan pengalaman, maka satu sekretariat iaitu Felo Penyelidik juga diwujudkan dalam unit ini dengan menggabungkan kepakaran & kecekapan individu dalam bidang-bidang tertentu.

Jika dilihat dari konsepnya, maka apa sahaja hasil dapatan dari setiap kajian yang dilakukan, akan dibentangkan kepada YAB Menteri Besar khusus untuk pembangunan negeri Perlis yang kita cintai ini.

Hadirin sekalian,

Pembangunan mampan ialah pembangunan bagi memenuhi keperluan masa kini tanpa menafikan generasi yang akan datang. Perancangan ini adalah selaras dengan aspirasi bangsa-bangsa bersatu 2008 iaitu tahun antarabangsa planet bumi 2008.

Aspirasi ini memberi penekanan kepada pembentukan dan pengukuhan jalinan hubungan serta kerjasama melalui perancangan kearah meningkatkan kualiti kehidupan dan melindungi kesejahteraan manusia sejagat.

Saya masih ingat lagi terdapat satu riwayat Nabi Muhammad SAW berkaitan pembangunan ini yang mana seorang pemuda bertemu sahabat Nabi SAW iaitu Abu Darda' R.A yang ketika itu sedang menanam pokok.

Lelaki itu bertanya kepada beliau: " Wahai Abu Darda', mengapa engkau tanam pokok ini padahal engkau sudah terlalu tua. Sedangkan pokok ini akan mengambil masa bertahun-tahun untuk mengeluarkan hasil?." Jawab Abu Darda': " Bukankah aku yang akan memetik pahalanya dikala orang lain memakannya?"

Berdasarkan kisah pendek itu, maka saya kira tidak salah jika kita terus berusaha melakukan pembangunan demi kesejahteraan negeri Perlis meskipun kita bukanlah akan hidup menongkat langit dan bumi untuk merasai hasilnya.

Apa yang lebih utama ialah, memastikan generasi akan datang terutama generasi muda di negeri Perlis akan dapat meneruskan kecemerlangan pembangunan di negeri ini sekali

gus memastikan ia berterusan sehingga ke generasi berikutnya. Insya Allah.

Hadirin sekalian,

Seperti yang anda sedia maklum, UniMAP sebelum ini dikenali sebagai KUKUM iaitu Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia telah ditubuhkan pada Mei 2001 dan kemudian bertukar nama kepada UniMAP pada 1 Februari 2007.

Kini setelah berusia lebih lapan tahun, UniMAP bagaikan tidak boleh dipisahkan dengan negeri Perlis. Hampir keseluruhan Perlis telah diliputi oleh UniMAP kerana UniMAP mengamalkan konsep Kampus Teragih dan UniMAP kini berada di lebih 20 lokasi di serata Perlis. Saya kira anda pun dapat melihat di sana sini papan tanda yang menunjukkan UniMAP. Itulah yang saya maksudkan dengan hubungan yang tidak boleh dipisahkan antara UniMAP dan Perlis.

Hadirin sekalian,

Di usia ini, UniMAP telah mempunyai 8 pusat pengajian kejuruteraan, satu pusat pengajian Perniagaan dan Keusahawanan, 2 institut iaitu Institut Kejuruteraan Matematik dan Institut Kejuruteraan Nano Elektronik serta 7

pusat sokongan akademik antaranya Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, Pusat Kerjasama Industri, Pusat Kejuruteraan dan lain-lain lagi.

Selain itu, kita juga mempunyai 22 program ijazah dengan pertambahan tiga program baru iaitu Ijazah Kejuruteraan Rangkaian Komputer, Ijazah Kejuruteraan Keusahawanan dan Ijazah Perniagaan Antarabangsa yang bermula pada pengambilan pelajar Julai 2009 yang lalu. UniMAP juga ada menawarkan 6 program diploma selain 12 ijazah sarjana dan 8 Doktor Falsafah (PhD).

Apa yang membanggakan mengenai UniMAP ini adalah kemudahan fasiliti yang lengkap walaupun tanpa kampus tetap. UniMAP mempunyai 121 makmal mengajar, makmal penyelidikan selain 43 ruang mengajar di serata negeri Perlis ini.

Kami juga mempunyai tenaga pengajar seramai 373 kakitangan akademik yang terdiri daripada 21 orang profesor. Selain itu, 1388 kakitangan sokongan (Tetap, Kontrak, Part time, Lawatan). Sehingga kini, UniMAP telah berjaya menghasilkan produk manusia iaitu graduan UniMAP bermula 2006 dengan 100% mendapat pekerjaan, kemudian pada tahun 2007 dengan 96% manakala pada tahun lepas

(2008) 77% telah mendapat pekerjaan di pelbagai sektor pekerjaan sama ada industri atau syarikat korporat.

UniMAP juga telah mempunyai seramai lebih 5570 pelajar Ijazah dan lebih 1150 pelajar Diploma serta 265 Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah. Saya yakin menjelang 2011, InsyaAllah kita akan menerima kemasukan pelajar baru seramai 10,000 orang. InsyaAllah.

Setiap kali pengambilan pelajar baru, saya dapati jumlah pelajar yang memilih UniMAP adalah sentiasa meningkat. Ini membuktikan keyakinan masyarakat terhadap UniMAP juga semakin meningkat. Oleh itu, kami pemegang amanah untuk mendidik anak bangsa tidak akan sesekali mensia-siakan kepercayaan yang diberikan ini.

Hadirin sekalian,

Atas dasar itulah, UniMAP melakukan pemerhatian dan pemantauan demi menjaga keharmonian negeri ini untuk kesejahteraan generasi akan datang. Walaubagaimana pun jika kita perhatikan pada hari ini, berlaku masalah-masalah alam sekitar seperti pencemaran dalam berbagai bentuk, penebangan hutan yang tidak terkawal, hakisan dan air kelodak disebabkan runtuh kawasan bukit dan bercerun, pembangunan yang tidak terancang, berlakunya jerubu,



banjir besar dan bencana lain yang telah mengakibatkan ketidakseimbangan kepada alam sekitar. Keadaan ini telah menggugat kesejahteraan dan kesejahteraan kehidupan manusia.

Masyarakat dunia kini mulai bimbang dengan perubahan iklim dunia dan isu pemanasan global. Peningkatan suhu terjadi akibat banyak gas-gas beracun yang dikeluarkan oleh kendaraan dan kilang-kilang perusahaan terperangkap didalam atmosfera. Keadaan ini telah meningkatkan suhu bumi pada paras yang tidak selesa dan kadangkala menyebabkan cuaca ekstrem, termasuk suhu kedinginan dan kepanasan yang melampau.

Hadirin sekalian,

Kajian di peringkat antarabangsa mendapati penduduk dunia telah menggunakan sumber bumi secara berlebihan dan menghasilkan pencemaran dengan lebih cepat dari kemampuan bumi untuk pulih. Kajian tersebut menunjukkan penggunaan sumber-sumber asli oleh manusia telah meningkat sebanyak 160% dalam jangkamasa 30 tahun lalu berbanding kemampuan sistem semulajadi bumi untuk pulih telah menurun sebanyak 40%.

Maka atas sebab itulah UniMAP sebagai Universiti kejuruteraan yang ditubuhkan di negeri ini perlu memainkan peranan aktif dalam memastikan ekosistem Perlis tidak akan terganggu dengan perancangan pembangunan yang telah dibuat.

Dan inilah yang sedang kami lakukan ketika ini. Selain memastikan pembangunan di Perlis dalam keadaan selamat dan sihat pada masa sama ia juga bertujuan untuk meningkatkan ekonomi negeri Perlis. Misalnya dalam aktiviti pertanian.

Untuk pengetahuan hadirin, UniMAP telah berjaya menubuhkan Kumpulan penyeldidik UniMAP dari Stesen Penyelidikan Agroteknologi di Sungai Chuchoh telah dan sedang berusaha untuk menghasilkan proses pertanian yang tidak akan mencemarkan alam. Sama-samalah kita berdoa agar hasrat ini berjaya direalisasikan.

Hadirin sekalian,

Kita semua mempunyai peranan dalam memastikan perancangan dan pembangunan dilaksanakan secara mampan. Pembangunan yang seimbang haruslah tidak menumpukan kepada pembangunan fizikal yang bersifat kebendaan dan luaran sahaja tetapi juga pembangunan insan

yang mempertimbangkan faktor-faktor kerohanian dan penghayatan nilai-nilai murni dalam sebarang bentuk dan tindakan pembangunan.

Akhir kata, semoga usaha dan kerjasama antara Kerajaan Perlis dan UniMAP akan terus erat untuk manfaat semua pihak.

**Datangnya tuan kami tadahkan,  
Perginya tuan kami berduka,  
Semoga hubungan kekal terjalin,  
Untuk kesejahteraan kita bersama.**

Selamat menjamu selera.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.